

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 19 MEI 2005, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 12

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. 62-100148
Datuk Hajah Azizah binti Abd Samad minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kerajaan sedar selain masalah kemiskinan luar bandar terdapat juga kemiskinan dalam bandar.
2. 42-100082
Tuan Tan Cheng Tee minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapakah Lembaga Hasil Dalam Negeri tidak menghantar surat peringatan kepada pembayar cukai untuk menghantar kembali borang cukai, sebagai khidmat awam (public service) dan bukan terus mendenda pembayar cukai yang lewat mengembalikannya.
3. 14-100443
Tuan Krishnan a/l Maniam minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah peranan Lembaga Penapisan Filem (LPF) dan kawalan terhadap kemasukan filem-filem Tamil kerana kebelakangan ini banyak filem bercorak gangsterisme dan ianya adalah salah satu faktor yang mempengaruhi belia India terjerumus dalam kegiatan yang tidak sihat ini.
4. 31-100022
Datuk Benedict Bujang Tembak minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan mengapakah 9 orang termasuk pegawai Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) yang dituduh mengeluarkan Kad Pengenalan dan MyKad dengan secara haram ditahan di bawah ISA dan tidak didakwa di mahkamah. Jelaskan bilangan kad-kad yang telah dikeluarkan dan adakah di antara kad tersebut dapat dikembalikan ke Jabatan berkenaan.

5. 27-100482
Puan Hajah Che Jam binti Harun minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah jenis aduan dan laporan serta tindakan oleh Kementerian dengan perniagaan yang masih berleluasa iaitu gores dan menang atau panggilan telefon yang meminta mangsa ke pejabat membawa akaun simpanan. Tetapi akhirnya terpaksa membayar sejumlah wang tambahan untuk mendapatkan tawaran tersebut.
6. 51-100013
Tuan Chiam Yong Tee minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian bagi menambahkan pembinaan rumah kos rendah di negeri Perak.
7. 72-100594
Dato' Kamarudin bin Ambok minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah strategi Kementerian di dalam menangani peningkatan kes-kes lumba haram di sekitar Kuala Lumpur terutamanya kerana ianya dibiayai dan disokong oleh kongsi-kongsi gelap dan syarikat perjudian haram.
8. 47-100328
Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan kejayaan sejak penubuhan Bahagian Kajian Sains Angkasa dan apakah perancangan masa hadapan.
9. 40-100037
Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi memastikan tanah rizab dan hutan simpan tidak diteroka sewenang-wenangnya atau secara haram bagi tujuan pembalakan, pertanian dan pembinaan.
10. 4-100546
Datin Paduka Jaya Partiban minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan peratusan wanita yang memegang jawatan di peringkat "membuat keputusan" mengikut pecahan kaum dan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian ini untuk mencapai matlamat 30% wanita di semua peringkat "membuat keputusan".
11. 15-100455
Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajjah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sama ada Kementerian sedar atau tidak firma-firma dari kaum cina memastikan calon-calon yang akan memasuki dan ditemuduga untuk bekerja di firma mereka dikehendaki mahir dalam bahasa mandarin, tindakah ini merupakan diskriminasi dalam masyarakat berbilang bangsa di negara kita.

12. 21-100236
Datin Naomi Chong Set Mui minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada terdapat pelan tindakan segera bagi mengisi kekosongan jawatan hakim dalam Mahkamah-mahkamah Sabah memandangkan tarikh-tarikh perbicaraan di Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu telah diisi sehingga tahun 2008 dan kekosongan di Mahkamah Tinggi Tawau tidak diisi lebih daripada lima tahun sehingga kini.
13. 30-100536
Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa terdapat beberapa rancangan hiburan yang ditayangkan pada masa yang tidak sesuai seperti waktu maghrib dan waktu sembahyang Jumaat. Adakah Kementerian bercadang untuk menukarkan kepada waktu lain yang difikirkan lebih sesuai.
14. 17-100433
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan berapakah hektar kawasan perhutanan yang terbakar pada tahun 2005. Apakah kerosakan terhadap alam sekitar dan impak jangka pendek dan jangka panjang terhadap alam sekitar.
15. 71-100558
Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan peningkatan semula di dalam penjualan CD, VCD dan DVD haram seolah-olah memperlihatkan kelemahan Kementerian di dalam menangani kes-kes cetak rompak dan pelanggaran harta intelek, dan apakah strategi Kementerian bagi menangani masalah ini dan apakah halangan utama untuk menyelesaikannya.
16. 23-100171
Puan Siw Chun a/p Eam minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan:-
- (a) setakat ini berapakah bilangan koperasi yang telah ditubuhkan dalam negara sehingga kini dan bilangan yang berjaya sepenuhnya; dan
 - (b) berapakah bilangan koperasi yang telah gagal dan apakah punca-punca yang menyebabkan kegagalan ini.
17. 9-100512
Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah Kementerian bercadang untuk mengenakan tindakan ISA kepada pengedar-pengedar dadah jika tiada bukti yang kukuh kerana dadah merupakan musuh utama negara dan berapa ramai pengedar-pengedar dadah yang dikenakan hukuman sepanjang lima (5) tahun yang lepas.

18. 39-100468
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan mengenai perancangan perumahan dan bangunan awam yang didirikan tanpa mengukur keperluan semasa dalam menyediakan kawasan tempat letak kereta dan lain-lain kemudahan awam yang mencukupi. Apakah langkah-langkah yang wajar dilaksanakan bagi mengatasi masalah ini.
19. 52-100588
Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah tindakan-tindakan yang diambil oleh Kementerian bagi memastikan setiap makanan serta minuman yang dijual di kantin-kantin sekolah mengandungi zat yang sewajarnya serta bersih bagi memastikan hanya makanan dan minuman yang baik sahaja disediakan kerana ini akan menjana minda yang cerdas serta kesihatan yang sihat di kalangan pelajar-pelajar sekolah.
20. 20-100108
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan:-
- (a) jumlah pendatang asing sah mengikut pekerjaan yang masih menetap di negara ini; dan
 - (b) berapakah jumlah pendatang tanpa izin yang dihantar pulang ke negara asal setelah program pengampunan tamat serta apakah strategi yang telah dirancang untuk memastikan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) tidak masuk semula secara haram ke negara ini.
21. 18-100495
Tuan Ismail bin Kasim minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah strategi pemantauan Kementerian di peringkat sekolah untuk memastikan bebanan jadual waktu dan buku serta kerja rumah pelajar-pelajar adalah terkawal dan menjurus kepada aktiviti yang boleh meningkatkan minat untuk ke sekolah dan dibebankan dengan kerja rumah sehingga tidak ada masa untuk mengulangkaji dan meningkatkan pengetahuan dengan kaedah pembelajaran lain seperti komputer dan sebagainya.
22. 56-100099
Dato' Rhina Bhar minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah tindakan yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk menentukan pengimplementasian polisi 30% representasi wanita dalam proses membuat keputusan.

23. 46-100331
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan jaminan Kerajaan terhadap kapsul gelatin halal serta bilangan pengilang atau pembekal di Malaysia.
24. 67-100116
Datuk Dr. Haji Mohd Fuad bin Haji Ahmad minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan bagaimana sistem MyKad telah disalahgunakan pegawai-pegawai Jabatan Pendaftaran untuk jualan kepada warga asing sedangkan sistem ini dikatakan tidak boleh ditipu dan senantiasanya dikemas kini dan disemak oleh pihak Kementerian, apakah pemberian PR Kad akan dapat menyelesaikan masalah ini.
25. 38-100370
Puan Mariah binti Haji Abdullah minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan jumlah projek makmal komputer yang masih terbengkalai di seluruh negara dan jumlah pelajar yang gagal memperolehi manfaat daripada projek yang gagal itu.
26. 21-100232
Datin Naomi Chong Set Mui minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan sama ada Kementerian telah menyediakan pelan jangka pendek dan panjang untuk menangani kekurangan minyak diesel di stesen-stesen minyak di mana ianya telah memberi kesan dan menyusahkan pengguna-pengguna kenderaan diesel.
27. 53-100190
Tuan Wilson Sagamani a/l Paul Devasagayam minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan:-
- (a) apakah status dan kedudukan sekolah wawasan yang kini telah beroperasi dan apakah pencapaian yang telah dicapai setakat ini; dan
 - (b) adakah sekolah ini menepati perkembangan selaras dengan matlamat Kerajaan mewujudkannya.
28. 39-100446
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah peranan dan tindakan selanjutnya bagi memantau kerja-kerja 'penggondolan' bukit-bukit dan pembalakan haram yang sedang berleluasa sekarang sehingga menyebabkan terjejasnya habitat flora dan fauna serta boleh membawa kepada kejadian tanah runtuh.

29. 25-100351
Puan Ooi Siew Kim minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah isteri daripada warganegara China yang berada di negara ini. Apakah prosedur dan berapakah visa pas lawatan sosial yang dikeluarkan kepada mereka.
30. 57-100155
Tuan Tan Bon You minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status terkini penubuhan SME Bank yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan I baru-baru ini.
31. 54-100064
Dato' Sri Empiang Jabu minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sama ada Kerajaan akan mengkaji semula kurikulum pendidikan IPTA/IPTS bagi mengatasi masalah pengangguran graduan universiti untuk membolehkan mereka ini lebih berdaya saing dan berpeluang mendapat pekerjaan di luar negara.
32. 40-100032
Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan:-
- (a) sejauh manakah sistem pembelajaran dan pengajaran Sains dan Matemaik ini berkesan dalam sistem pendidikan yang ada sekarang; dan
 - (b) mampukah cara ini melahirkan pelajar-pelajar yang cemerlang.
33. 46-100308
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sumbangan Kerajaan kepada konsert Tsunami Force of Nature baru-baru ini.
34. 43-100017
Puan Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil terhadap 2 orang guru perempuan yang bergaduh di hadapan murid-murid semasa perhimpunan.
35. 7-100220
Dato' Ratnam a/I Muthiah minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan kehilangan barang-barang yang akan jadi bukti kes semasa dalam perjagaan polis merupakan satu tamparan kepada integriti profesion kepolisan. Apakah langkah-langkah untuk memperketatkan kawalan yang telah dan akan diambil untuk memartabatkan profesion polis di negara ini.

36. 65-100075
Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kriteria-kriteria penting yang digunakan untuk memilih pelatih ke kursus jururawat sehingga mendorong Kementerian untuk membawa masuk jururawat dari beberapa buah negara lain.
37. 22-100254
Dato' Dr. Vijyaratnam a/l Seevaratnam minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk mengatasi masalah kejadian rompakan lanun di Selat Melaka yang baru-baru ini telah meningkat dan membimbangkan industri perkapalan antarabangsa yang melalui kawasan tersebut.
38. 52-100586
Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan apakah tindakan-tindakan yang dibail oleh Kementerian di dalam mempromosikan makanan serta kuih muih tempatan di pasaran antarabangsa seperti mana terkenalnya Thai Foods. Apakah definisi Malaysia Food dan bagaimanakah Kementerian bercadang memperkenalkan kuih muih tempatan seperti Kuih Taik Itik dan Puteri Mandi di hotel-hotel lima bintang. Adakah Kementerian bercadang memperkenalkan nama Inggeris kepada kuih-muih tersebut.
39. 25-100358
Puan Ooi Siew Kim minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan mengapakah SJK (C) sentiasa menghadapi masalah kekurangan guru. Apakah mekanisma yang diambil oleh Kementerian untuk menyelesaikan masalah ini.
40. 70-100197
Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah jaminan daripada Kementerian bahawa kes kehilangan kira-kira 60,000 pil psikotropik daripada simpanan yang menjadi bahan bukti perbicaraan satu kes dadah tidak akan berulang lagi.
41. 7-100223
Dato' Ratnam a/l Muthiah minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan bagaimanakah Kementerian boleh membantu usahawan-usahawan yang ingin membuat pelaburan dalam bidang ternakan lembu dan kambing khususnya dalam pemerolehan tanah daripada Kerajaan negeri supaya yang benar-benar minat sahaja dapat melibatkan diri secara komersial dan aktif.

42. 14-100442
Tuan Krishnan a/l Maniam minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menghapuskan tempat pembiakan nyamuk Aedes di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan supaya dapat menangani masalah penyakit demam denggi yang amat serius masa kini.
43. 41-100281
Tuan Poh Mok Hua @ Poh Bak Hoe minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan:-
- (a) apakah langkah jangka pendek dan panjang yang telah diambil Kerajaan bagi merealisasikan hasrat Kerajaan untuk mengguna pakai tanah-tanah terbiar di negara ini; dan
 - (b) apakah jenis tanaman yang mempunyai potensi besar di pasaran dan sejauh manakah Kementerian berperanan untuk membantu para petani.
44. 43-100036
Puan Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah usaha-usaha yang telah dijalankan oleh pihak Kementerian bagi memperkukuhkan Sekolah Kebangsaan dalam pembangunan negara untuk melahirkan masyarakat terutamanya generasi muda agar berdaya saing di peringkat global.
45. 19-100360
Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan berapakah jumlah sebenar pelajar Melayu yang keputusannya merosot dalam subjek Sains dan Matematik sejak kaedah pengajaran melalui Bahasa Inggeris diperkenalkan 3 tahun lalu.
46. 65-100074
Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan mengapa selain daripada Universiti Malaya, universiti-universiti lain di negara kita ini tidak dapat mencapai tanda aras (benchmark) tertentu dalam "ranking" universiti di dunia.
47. 8-100506
Tuan Saravanan a/l Murugan minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan jumlah permohonan lesen-lesen perniagaan kecil seperti warung, lesen tapak cuci kereta dalam masa 2 tahun ini dan berapakah yang telah diluluskan.

48. 15-100447
Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajjah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah pendirian Kerajaan mengenai sesetengah Kerajaan negeri yang mewajibkan agar mempelai lelaki dan perempuan menjalani pemeriksaan kesihatan sebelum majlis perkahwinan dan berapakah peraturan perempuan yang menghidap HIV di atas kesalahan pengantin lelaki dan sejauh manakah kejayaan kursus tersebut.
49. 66-100241
Tuan Hii Tiong Kuoh minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan sama ada terdapat sebarang usaha untuk membangunkan sebuah stesen radio di Bintulu memandangkan setakat ini siaran Radio Sarawak, Sibul dan Miri tidak dapat diterima atau didengar dengan baik dan jelas oleh penduduk di kawasan pedalaman Bintulu.
50. 52-100587
Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah serta program-program yang akan dilaksanakan bagi merealisasikan hasrat Y.A.B. Perdana Menteri yang mahukan setiap kakitangan Kerajaan berfikir di luar kotak. Apakah 'benchmark' yang akan diadakan bagi mengukur keberkesanan pelaksanaannya.
51. 50-100523
Dato' Hamzah bin Zainudin minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah insentif yang diberi kepada atlet cemerlang berupaya membawa kepada lebih ramai atlet yang cemerlang kerana tidak ramai yang boleh berjaya di peringkat nasional apatah lagi peringkat rantau dan global.
52. 17-100437
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah semua bahan kimia yang digunakan di salon untuk menukar warna rambut selamat kepada pelanggan dan pendedahan rambut. Apakah kesan-kesan yang dilaporkan akibat penggunaan yang kerap bagi bahan-bahan kimia tersebut.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R. 6/2005) Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 2005 – **Menyambung semula Perbahasan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang. (18 Mei 2005)**

2. (D.R. 3/2005) Rang Undang-undang Angkatan Tentera **Bacaan Kali Yang Kedua** (Pindaan) 2005

RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

<u>TAHUN 2005</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST.43	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian (MARDI) Bagi Tahun 2003 (Telah Diaudit).	19 Mei 2005
ST.44	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Bagi Tahun 2003 (Telah Diaudit).	19 Mei 2005
ST.70	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Bagi BERNAMA Tahun 2003.	19 Mei 2005
ST.73	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Tahun 2002 (Telah Diaudit) Universiti Pendidikan Sultan Idris.	19 Mei 2005